



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO		
TARIKH	:	7/10/2021 (KHAMIS)	MUKA SURAT	: 12
JABATAN	:	TNB		



HASAN (kiri) mendengar taklimat daripada Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Ir. Baharin Din ketika hadir mesyuarat khas bersama pengurusan tertinggi TNB di Bangsar, Kuala Lumpur semalam.

Dividen terbesar beri manfaat kepada rakyat **Kosmo, 7 Okt 2021_12**

TNB bayar dividen RM16.9b sejak 2018

Oleh ZULKIFLI MANZOR

KUALA LUMPUR – Tenaga Nasional Berhad (TNB) membayar dividen berjumlah RM9.9 billion kepada para pemegang sahamnya dan RM7 bilion lagi kepada institusi pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) dari tahun 2018 hingga 2020.

Pengerusi TNB, Datuk Seri Hasan Arifin berkata, dividen itu merupakan jumlah yang besar dan memberi manfaat kepada rakyat.

"TNB memberi pulangan dividen yang adil dan berpatutan kepada pelabur termasuk GLIC antaranya Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP), Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan Khazanah Nasional.

"Kita bertanggungjawab kepada para pemegang saham lebih-lebih lagi kepada institusi-institusi pelabur yang pulangan kepada mereka akhirnya dinikmati oleh rakyat," katanya dalam satu kenyataan akhbar semalam.

Beliau dilantik sebagai Pengerusi TNB pada 1 Oktober lalu bagi menggantikan Datuk Seri Mahdzir Khalid yang kini Menteri Pembangunan Luar Bandar.

Hasan berkata, beliau yakin kecemerlangan TNB itu mampu diteruskan dengan Malaysia kini ada infrastruktur bertaraf dunia hasil daripada pelaburan modal sistem perbekalan elektrik yang berterusan.

Menurutnya, TNB akan terus mendukung pertumbuhan dan usaha pemulihan ekonomi negara menerusi perbekalan elek-

trik berdaya harap, mencorak semula ekonomi melalui inisiatif transformasi industri tenaga dan membantu golongan sasaran.

"Dalam senario ekonomi Malaysia yang masih dalam fasa pemulihan daripada cabaran wabak Covid-19, TNB perlu teguh dari segi kewangan bagi meneruskan usaha ini.

"TNB antara pihak swasta terawal tampil membantu kerajaan menangani Covid-19 dan menyumbang RM21 bilion (2018-2020) kepada ekonomi dalam pelbagai bentuk termasuk dividen, kontrak kepada vendor, cukai, zakat, CSR dan bantuan Covid-19," katanya.

Justeru, katanya, kedudukan kewangan TNB perlu kekal kukuh untuk membantu usaha kerajaan memulihkan ekonomi negara dan memberi pulangan setimpal.